



## JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

# PROSEDUR OPERASI PIAWAI (SOP) UNTUK PELUPUSAN DAN PENGITARAN SEMULA BAHAN BUANGAN CECAIR DAN PEPEJAL BUKAN ORGANIK

Adalah menjadi amalan jabatan untuk menguruskan bahan buangan cecair dan pepejal supaya menitikberatkan aspek keselamatan manusia dan kesejahteraan alam bagi mengelak dan mengawal kesan bahaya kepada manusia serta alam sekitar.

1. Langkah-langkah melupuskan bahan buangan cecair dan pepejal bukan organik yang telah digunakan mestilah dicuci sebanyak tiga (3) kali menggunakan air bersih.
2. Air lebih daripada setiap cucian perlu dikumpul dan dimasukkan ke dalam alat penyembur racun untuk dibuang dengan cara disembur kepada rumpai.
3. Bekas racun yang telah dicuci dan baja yang telah tamat tempoh perlu dikumpulkan pada satu ruang khas yang bersesuaian seperti stor atau kotak penyimpanan sisa buangan sebelum dihantar untuk pelupusan.
4. Bekas racun yang telah dicuci dan baja yang telah tamat tempoh hendaklah dihantar ke Jabatan Pertanian yang berhampiran secara bersurat untuk mendapat pengesahan penerimaan dari Jabatan Pertanian tersebut.

**MOHD SYAHRIR AZRIN BIN SALLEH**  
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR